

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
KAWASAN : KALABAKAN
TARIKH : 17 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN NO. 12

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini projek Lebuh Raya Kalabakan-Serudung berserta Kompleks Kastam Imigresen Kuarantin Keselamatan (CIQS) dan perumahan Kerajaan bernilai RM600 juta yang diluluskan dalam pengumuman Belanjawan 2020 tahun lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Lebuhraya Trans Borneo jajaran Kalabakan – Simanggaris berserta Kompleks Kastam Imigresen Kuarantin Keselamatan (CIQS) dan perumahan Kerajaan telah diluluskan peruntukan sebanyak RM600 juta oleh Kementerian Kewangan di bawah Inisiatif Belanjawan 2020. Namun begitu, kajian kerja – kerja awalan bagi projek ini perlu dilaksanakan terlebih dahulu dengan peruntukan RM10 juta yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan di bawah inisiatif yang sama. Kajian kerja-kerja awalan melibatkan kerja ukur tanah, penyiasatan tanah, *environmental screening*, kajian impak trafik, dan kajian impak sosial.

Walau bagaimanapun, pada Jun 2020 Kementerian Kewangan telah memutuskan untuk tidak meneruskan semua inisiatif Belanjawan 2020 yang telah diumumkan. Oleh yang demikian, kajian kerja-kerja awalan ini tidak dapat diteruskan kerana tiada peruntukan disalurkan kepada Kementerian ini. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian telah memohon kepada Agensi Pusat untuk meluluskan semula peruntukan sebanyak RM10 juta bagi kerja-kerja awalan bagi membolehkan kerja-kerja ini diteruskan.

Sekian, terima kasih.